

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN
TRANSLITERASI ARAB-RUMI TERHADAP
HAFALAN BACAAN SOLAT DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH RENDAH**

ISMAIL MAIDIN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL **KEBERKESANAN PENGGUNAAN TRANSLITERASI ARAB-RUMI
TERHADAP HAFALAN BACAAN SOLAT DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH RENDAH**

IJAZAH **SARJANA SASTERA**

BIDANG **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **ISMAIL BIN MAIDIN**, sesi **2017-2020** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

- 1 Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
- 2 Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
- 3 Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
- 4 Sila tandakan (/):

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD



ISMAIL BIN MAIDIN
MU1621008T

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh

26 Jun 2020




(Dr. Sarip bin Abdul)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

10 Mac 2020



Ismail Bin Maidin
MU1621008T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : ISMAIL BIN MAIDIN
NO. MATRIK : MU1621008T
TAJUK : **KEBERKESANAN PENGGUNAAN
TRANSLITERASI ARAB-RUMI TERHADAP
HAFALAN BACAAN SOLAT DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**
TARIKH VIVA : **10 MAC 2020**


PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH;




1. PENYELIA UTAMA
Dr. Sarip Bin Adul

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to be "Sarip Bin Adul", written over a horizontal line.

2. PENYELIA BERSAMA
Puan Dg. Hafizah Binti Ag. Basir

A handwritten signature in black ink, appearing to be "Hafizah Binti Ag. Basir", written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Syukur dan Alhamdulillah kerana Allah SWT telah memberikan hidayah dan taufik-Nya kepada saya untuk menyiapkan tesis pengajian peringkat ijazah Sarjana ini dengan jayanya. Selawat dan salam buat Rasul Junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW yang membawa hidayah dan rahmat ke seluruh alam, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat baginda. Di ruangan ini, penghargaan yang tidak terhingga dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Sarip Bin Adul yang tidak pernah kenal jemu dan penat dalam membimbing sepanjang pengajian ini. Seterusnya, juga kepada penyelia bersama iaitu Puan Dg. Hafizah Binti Ag. Basir yang sentiasa memberikan idea dan bimbingan sepanjang tesis ini disiapkan. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) kerana memberikan kebenaran dan kelulusan menjalankan kajian yang dijalankan. Juga tidak dilupakan, rasa syukur dan terima kasih dengan sokongan dan galakan kedua ibu bapa saya yang sentiasa merestui dan mendoakan kejayaan anak-anaknya. Juga tidak dilupakan, segala sokongan dan galakan daripada ahli keluarga, sahabat-sahabat handai dan kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat membantu dan memberikan sumbangan dalam menyiapkan tesis ini.

Ismail Maidin
10 Mac 2020

ABSTRAK

Nabi Muhammad SAW berpesan kepada umat Islam agar mengambil perkara yang mudah dan tidak bercanggah dengan Syarak. Konsep *Taysir* (memudahkan) dan *Taskin* (menenangkan) dalam berdakwah sesama ummah adalah sangat pelbagai dan tidak boleh dipaksa-paksa. Oleh itu, kajian ini memfokuskan terhadap kesan dan pengaruh penggunaan tulisan transliterasi Arab-Rumi sebagai alternatif, proses gabung jalin dan pemudah cara murid membaca, serta melakukan proses menghafal bacaan solat, berikutan terdapat masalah dalam kalangan pelajar yang belum menguasai hafalan bacaan solat, serta keberkesanan penggunaan transliterasi Arab-Rumi dalam penerbitan semasa belum dibuat ujian keberkesananannya lagi. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kuantitatif kuasi-eksperimental. Responden kajian pula terdiri daripada 34 orang murid tahun satu yang dibahagikan dalam dua kumpulan, iaitu 17 orang (kumpulan eksperimen) berkursus menggunakan tulisan transliterasi Arab-Rumi, dan 17 orang (kumpulan kawalan) berkursus menggunakan tulisan Arab sepenuhnya. Limitasi kajian pada "bacaan dan hafalan wajib solat; tahiyat akhir" selama tiga jam berkursus sahaja. Dapatan kajian, bilangan berjaya menghafal 100% ialah 13 orang (76%) dalam kumpulan eksperimen dan tujuh orang (41%) dalam kumpulan kawalan. Seterusnya, semua markah murid diuji menggunakan IBM Statistik Versi 25 dengan Ujian Non-Parametrik dilakukan berikutan Ujian Normaliti tidak normal. Dalam Ujian Wilcoxon, nilai signifikan bagi kedua-dua kumpulan ialah sig. 0.000 iaitu lebih kecil daripada <0.05 , iaitu kedua-dua kaedah mempunyai kesan dan pengaruh terhadap hafalan murid. Dalam Ujian Mann Whitney U pula, nilai signifikannya ialah sig. 0.031, iaitu lebih kecil daripada <0.05 . Oleh itu, penggunaan transliterasi Arab-Rumi mempunyai pengaruh sebagai tulisan alternatif dalam membaca dan menghafal, serta merangsang motivasi dan pembelajaran sendiri bagi sesetengah murid, tetapi tidak dapat membantu untuk menulis dengan baik. Oleh itu, usaha untuk mahir dalam membaca dan menulis tulisan Arab ialah kunci memahami keindahan bahasa tersebut.

Kata kunci: Transliterasi Arab-Rumi, alternatif pemudahcaraan, merangsang motivasi, pembelajaran sendiri, hafalan bacaan solat.

ABSTRACT

THE EFFECTIVENESS OF USING ARABIC-ROMAN transliteration IN MEMORIZING THE RECITATION OF PRAYER AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS

The Prophet Muhammad (peace be upon him) had guided the Muslims to adopt a simple way in life that does not conflict with Islam. The concept of Taysir (make it easy) and Taskin (make it calm) are also playing vital roles in da'wah among the ummah. And, cannot be forced to follow due to individual's diversity. This study focused on the use of Arabic-Roman transliteration scripts as an alternative which helped the pupils in their memorization process of the recitation of prayer. As an addition, the study on the effectiveness of using transliteration has not been tested yet. The methodology of this study was a quantitative study; quasi-experimental. There were 34 respondents among year one pupils which were divided into two groups. 17 pupils were in the control group (using full Arabic scripts) while another 17 pupils were in the experimental group (using Arabic-Roman transliteration) and the test was restricted to the reading and memorizing of "tahiyat akhir script". The findings of the study were 13 pupils (76%) in the experimental group and seven pupils (41%) in the control group were able to memorize the script correctly. Subsequently, the data was tested using IBM Statistic Version 25 with Non-parametric tests performed following the abnormal Normal Testing. According to Wilcoxon Test, the significant value for both groups was sig 0.000 which was smaller than <0.05 that both methods had their own effect and influence. In Mann Whitney U test, the data showed that the two groups did not have a difference of sig at 0.031 which was smaller than <0.05 . Therefore, the use of Arabic-Roman transliteration can be an alternative because it had a positive impact on pupils' memorization as well as stimulating their self-motivation and learning. However, this alternative was only meant to help the pupils in their reading but not in writing. Hence, it is vital to instill in them the value of the beauty of the Arabic language.

Keywords: Arabic-Roman transliteration, alternative option, self-motivation and learning, memorization process of the recitation of prayer

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI SIMBOL TRANSLITERASI	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Limitasi Kajian	16
1.9 Justifikasi Kajian	17
1.10 Definisi Operasional	18
1.11 Reka Bentuk Tesis	21
1.12 Rumusan	24

BAB 2: SOROTAN LITERATURE`	24
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Solat	27
2.3 Tulisan	42
2.3.1 Tulisan Arab	43
2.3.2 Tulisan Jawi dan Rumi	45
2.3.3 Tulisan Transliterasi	46
2.4 Menghafal	59
2.5 Kaedah-Kaedah Fiqh	67
2.6 Teori dan Model	70
2.6 Kerangka Teoretikal	84
2.7 Teori Konseptual	85
2.8 Kerangka Konseptual	86
2.9 Rumusan	87

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	84
3.1 Pendahuluan	88
3.2 Reka Bentuk Kajian	88
3.3 Lokasi Kajian	95
3.4 Sampel Kajian	95
3.6 Instrumen Kajian	98
3.7 Kajian Rintis	107
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	114
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	115
3.10 Prosedur Penganalisan Data	118
3.11 Rumusan	119
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	115
4.1 Pendahuluan	120
4.1.1 Demografi Sampel Kajian	121
4.1.2 Ujian Normaliti.	124

4.1.3	Ujian Homogen.	125
4.2	Analisis Data Kajian Berdasarkan Objektif:	125
4.2.1	Tahap Hafalan Sebelum Kursus Dijalankan.	126
4.2.2	Tahap Hafalan Selepas Kursus Dijalankan.	132
4.2.3	Tahap Perbezaan Pencapaian Kedua-Dua Kumpulan	140
4.3	Rumusan	143
BAB 5:	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	142
5.1	Pendahuluan	147
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	148
5.2.1	Tahap Sebelum Kursus	148
5.2.2	Tahap Selepas Kursus Bagi Kedua-Dua Kumpulan	148
5.2.3	Perbezaan Kedua-Dua Kumpulan Selepas Kursus	150
5.2.4	Hal-Hal Lain Yang Berkaitan	151
5.3	Implikasi Hasil Kajian	161
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	164

5.4	Penutup	166
	RUJUKAN	167
	LAMPIRAN	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Perbandingan Versi Transliterasi Arab-Rumi	50
Jadual 2.2: Bentuk Perbandingan Contoh Transliterasi Arab-Rumi	52
Jadual 3.1: Kandungan Bahan Kursus Dan Ujian	102
Jadual 3.2: Penentuan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca	103
Jadual 3.3: Penentuan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca	104
Jadual 3.4: Kesalahan Yang Menyebabkan Skor ditolak	105
Jadual 3.5: Rumusan Dapatan Kajian Rintis Pertama	108
Jadual 3.6: Rumusan Dapatan Kajian Rintis Kedua	110
Jadual 3.7: Rumusan Dapatan Kajian Rintis Ketiga	112
Jadual 4.1: Profil murid bagi kelas Kumpulan Eksperimen	122
Jadual 4.2: Profil Murid Bagi Kelas Kumpulan Kawalan	123
Jadual 4.3: Keputusan Ujian Normaliti	124
Jadual 4.4: Keputusan Ujian Homogen	125
Jadual 4.5: Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen	127

Jadual 4.6:	Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	128
Jadual 4.7:	Keputusan Min - Ujian Pra Eksperimen dan Kawalan	130
Jadual 4.8:	Ujian Pra – Keputusan <i>Ranks</i>	131
Jadual 4.9:	Ujian Pra - <i>Test Statistics</i> (Sebelum Kursus)	132
Jadual 4.10:	Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	134
Jadual 4.11:	Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	135
Jadual 4.12:	Deskriptif Statistik - Ujian Pasca	136
Jadual 4.13:	Ujian Wilcoxon Kumpulan Eksperimen- <i>Ranks</i>	137
Jadual 4.14:	Ujian Wilcoxon Kumpulan Eksperimen - <i>Test km.</i>	138
Jadual 4.15:	Ujian Wilcoxon Kumpulan Kawalan - <i>Ranks</i> .	138
Jadual 4.16:	Ujian Wilcoxon Kumpulan Kawalan- <i>Test Statistics</i> .	139
Jadual 4.17:	Markah Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan	141
Jadual 4.18:	Ujian Pasca Eksperimen dan Kawalan - <i>Ranks</i> .	142
Jadual 4.19:	Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kawalan - <i>Test Statistics</i>	143
Jadual 4.20:	Rumusan Dapatan Kajian.	145

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 3.1: Reka Bentuk Kuasi-Eksperimental Kumpulan Tidak Seimbang

94



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ASWJ	-	Ahli Sunah Waljamaah
ALA-LC	-	<i>American Library Association - Library of Congress</i>
BM	-	Bahasa Melayu
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	-	Doktor
GPI	-	Guru Pendidikan Islam
H.R.	-	Hadis Riwayat
JAHEINS	-	Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPNS	-	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jld	-	Jilid
j-QAF	-	Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KDN	-	Kementerian Dalam Negeri
OKU	-	Orang Kelainan Upaya
PAI	-	Pendidikan Agama Islam
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
Prof.	-	Profesor
PTK	-	Pembelajaran Terarah Kendiri
r.a.	-	Radiallahuanhu
RPT	-	Rancangan Pengajaran Tahunan
RPH	-	Rancangan Pengajaran Harian
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
SAW	-	Sallallahualaihiwasallam
SPB4L	-	Sistem Pemikiran Bersepadu: Luhur, Lahir, Logik dan Lateral

SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
Sig.	-	Signifikan
SR		Sekolah Rendah
SWT	-	Subhanahuwataala
t.th	-	Tanpa Tarikh
4M	-	Membaca, Mengira, Menulis dan Menaakul
4P	-	Pemilihan, Pembinaan, Penyesuaian dan Penggunaan
6P	-	Penggabungjalinan, Penyerapan, Penilaian, Pemulihan, Pengayaan, dan Pemikiran Kritis dan Kreatif
&	-	Dan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL TRANSLITERASI

ا	a	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ء	‘
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ		

Vokal Pendek

كَتَبَ *kataba*

سُئِلَ *su'ila*

يَذْهَبُ *yadhhabu*

Vokal Panjang

قَالَ *qāla*

قِيلَ *qīla*

يَقُولُ *Yaqūlu*

Diftong

أَوْ / آيَ *ai / aw*

كَيْفَ *kayfa*

حَوْلَ *hawla*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Sistem Tulisan Transliterasi ALA-LC	191
Lampiran B: Surat Kebenaran Daripada KPM	194
Lampiran C: Surat Kebenaran Dari JPNS	195
Lampiran D: Surat Pengesahan Instrumen	196
Lampiran E: Bahan Kursus : Tulisan Arab	199
Lampiran F: Bahan Kursus : Tulisan Transliterasi Arab-Rumi	200
Lampiran G: Borang Penilaian Pra & Pasca	201
Lampiran H: Biodata Ringkas Penilai	202

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penguasaan solat dalam kalangan kanak-kanak sangat dititikberatkan dalam Islam. Pendidikan solat hendaklah diajarkan ketika mereka berusia tujuh tahun lagi. Malah, pengenalan pendidikan solat juga boleh dimulakan pada usia empat tahun. Jika mereka bermalas-malas menunaikan solat di usia 10 tahun, maka hendaklah diberikan motivasi atau peneguhan berhikmah agar mereka istiqamah dengan ibadat solat lima waktu iaitu subuh, zuhur, asar, maghrib dan isyak (Heri, 2012) dan (Mohd Murtadza Ahmad, 2006). Bacaan solat dilihat sebagai perkara yang sukar diingati bagi sesetengah individu berbanding dengan perlakuan solat. Oleh itu, bentuk pengajaran dan pembelajarannya mestilah praktikal dan kreatif serta menarik minat agar mudah diterima oleh pelajar, khususnya pelajar-pelajar sekolah rendah dan golongan mualaf (*Al-Sharbāsi*, 1995).

Selain itu, bacaan solat yang dituturkan dalam bahasa Arab bukanlah bahasa ibunda pertuturan seharian di Malaysia. Ada dalam kalangan murid yang sukar untuk melakukan proses hafalan jika hanya mendengar daripada guru melainkan melalui proses ulangan yang berkali-kali. Dalam erti kata lain, seseorang itu mudah untuk menghafal lafaz Azan kerana ia sesuatu yang berulang-ulang didengar, demikian juga tentang bacaan surah al-Fatihah amat mudah dihafal oleh sesetengah orang yang selalu mendengarnya berulang-ulang meskipun tidak pernah melihat bentuk tulisannya. Oleh hal demikian, kita perlu mendengar berkali-

kali bahan yang hendak dihafal ataupun membaca berulang-ulang kali untuk mendapat hafalan yang baik dan lancar. Masalahnya, bantuan ulangan tersebut terhad dan kecerdasan murid dalam menghafal juga berbeza-beza. Jika murid-murid yang tidak mahir asas tilawah, pasti mereka juga terbatas dalam proses membaca dan mengulang-ulang ataupun melakukan aktiviti pembelajaran terarah sendiri (PTK) pada bila-bila masa. Maka, proses gabung jalin dengan tulisan transliterasi tersebut diharap akan memotivasikan murid membaca berulang-ulang, PTK dan seterusnya menghafal dengan lancar (Muhammad Suhaimi Taat, 2011) dan (Suhid, Ahmad, Sabri, & Mohammad, 2015).

Oleh hal demikian, tulisan transliterasi adalah salah satu terjemahan fonetik serta dilihat sebagai pemudah cara memudahkan proses bacaan dan hafalan bagi murid. Dalam masa yang sama juga, boleh memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar untuk bersemangat menghafal terutama berkaitan kajian yang dijalankan iaitu bacaan solat dalam sebutan bahasa Arab. Jika murid telah menghafal dengan baik dan lancar maka murid lebih bermotivasi dalam menunaikan solat dengan baik dan sempurna setiap hari. Walau bagaimana pun, penggunaan transliterasi tersebut tidak akan memberikan impak kepada mereka yang tidak mempunyai asas awal kelancaran membaca dalam tulisan Rumi, kerana tiada berlakunya proses gabung jalin maklumat serta kemahiran sedia ada (Suryadi, 2005) dan (Udin, 2009).

Kajian ini juga penting untuk membantu murid-murid perempuan khususnya, dan murid-murid lelaki umumnya yang telah meningkat akil baligh¹ pada usia sekolah rendah lagi. Jika mereka mencapai tanda-tanda akil baligh tersebut, maka mereka telah bergelar mukalaf², iaitu orang yang telah cukup umur

¹ Akil baligh ialah asal perkataan Arab; cukup umur atau dewasa (dalam Islam, jika mencapai umur 9-12 tahun bagi perempuan dan 12-15 bagi lelaki) disertai dengan tanda keluar darah haid bagi perempuan dan keluar air mani bagi lelaki (DBP, 2016:116).

² Mukalaf ialah asal perkataan Arab yang bermaksud orang yang telah cukup umur yang wajib melaksanakan perintah Allah (DBP, 2016:1051).

dan wajib melaksanakan perintah Allah. Kajian yang dijalankan diharapkan boleh membantu mereka menguasai cara solat yang sempurna, terutama berkaitan bacaan dalam solat berserta memahami setiap ungkapan dalam solat kerana hukum solat bagi mereka adalah wajib dan jika mereka tidak bersolat maka hukumannya berdosa besar (Ismail Yakub, 1988). Meskipun mahir dengan bacaan solat tidak menjamin seseorang itu istiqamah terhadap komitmen menunaikan solat lima waktu, kerana kajian mendapati bahawa peranan ibu bapa dan kesedaran diri sendiri adalah faktor utama istiqamah tersebut (Ruain, Minah, Sharifah, t.th.).

Kesimpulannya, kaedah dan pendekatan serta teknik pembelajaran wajar dikaji dan dipraktikkan secara berhikmah untuk membantu memudahkan seseorang Muslim itu menunaikan solat pada perlakuan dan bacaan. Kajian ini berkepentingan untuk menguji pengaruh dan keberkesanan hasil hafalan bacaan solat menggunakan Transliterasi Arab-Rumi dan sejauh mana ia berkesan sebagai alternatif untuk membantu pembacaan dan penghafalan, serta mengaplikasikan hafalan tersebut dalam solat harian mereka yang menyamai persamaannya dengan menggunakan tulisan Arab pada nilai makhrāj atau fonetik Arab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dilakukan berlatar belakangkan tentang memudahkan murid dalam proses menghafal bacaan solat, kerana bacaan dalam solat mestilah dihafal dan dilafazkan dalam bahasa Arab seperti mana mengikut panduan mazhab Syafii. Manakala menurut Imam Abu Hanifah pula, penggunaan bahasa lain dibenarkan, jika sekiranya terdapat keuzuran melafazkan kalimah-kalimah Arab dalam bacaan solat. Ini bertepatan dengan kesah *Salmān al-Fārisī r.a.* yang menterjemahkan surah al-Fatihah ke dalam bahasa Farsi, bagi memudahkan orang-orang Farsi yang baru memeluk Islam pada masa tersebut untuk menyebut dan memahami bacaan al-Fatihah yang dibaca dalam solat mereka. Tatkala perkara tersebut diadukan kepada Nabi Muhammad SAW dan baginda melihat sendiri tulisan terjemahan tersebut, maka baginda tidak melarangnya, malah membenarkannya. Walau